

09/07/2002

100 bot disewa kepada nelayan Thailand

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia menawarkan 100 bot untuk disewa nelayan Thai bagi menangkap ikan di perairan negara ini, sebagai permulaan menjalin kerjasama dalam sektor perikanan dengan Thailand.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, bagaimanapun berkata negara jiran itu hendaklah menggunakan kilang memproses ikan di Malaysia supaya negara ini mendapat keuntungan bersama.

"Kita ingin memulakan semangat kerjasama baru yang memberi faedah kepada kedua-dua negara," katanya selepas merasmikan Bengkel Penentuan Had Luar Pelantar Benua di sini hari ini.

Syed Hamid berkata, perkara itu adalah antara isu yang dibincangkan dalam lawatan kerja dua hari Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Thailand berakhir semalam.